

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 7 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

MENGANGKAT SUMPAH

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan:-

“Bahawa Yang Berhormat Senator Dato’ Ir. Wong Foon Meng dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih”.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2401
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program khusus Kerajaan bagi melahirkan rakyat berfikiran kelas pertama (first class mentality).
2. PN-1141-L2674
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah insentif dan galakkan yang diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan makanan halal terutamanya syarikat yang mengeksport makanan halal ke negara-negara Asia Barat.
3. PN-1141-L2829
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan lebuhraya bertol di seluruh negara dan berapakah jumlah lebuhraya bertol yang secara asasnya dibiayai oleh pihak Kerajaan dengan memberi subsidi disebabkan kekurangan pengguna yang menggunakan lebuhraya tersebut dan berapakah jumlah yang dibayar oleh Kerajaan.

4. PN-1141-L2284
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ketidakyakinan dan cemuhan sesetengah pihak termasuk yang berpengaruh terhadap ketulenan laporan prestasi ekonomi negara boleh menjejaskan kemasukan pelabur asing dan kestabilan ekonomi serta politik negara dan apakah Kerajaan yakin ramalan prestasi ekonomi negara bagi tahun 2007 boleh dicapai.
5. PN-1141-L2487
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Perkhidmatan Polis yang sudah dilaksanakan sehingga kini. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan unit agama dalam perkhidmatan polis sebagaimana wujudnya KAGAT dalam Angkatan Tentera Malaysia.
6. PN-1141-L2184
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membina generasi Malaysia yang mempunyai pemikiran kreatif, berjiwa penyelidikan dan pembangunan, berani mencuba sesuatu yang baru dan inovatif serta memupuk minat sains di kalangan pelajar sekolah lagi seperti perumpamaan, 'melentur buluh biarlah dari rebung'
7. PN-1141-L2094
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setakat ini sejauh mana ketegasan penguatkuasaan undang-undang yang telah dilakukan untuk membendung kegiatan pembalakan haram atau secara berleluasa yang sering dilaporkan berlaku sejak sekian lama sehingga menjejaskan kualiti alam sekitar dan perubahan geologi, seperti mana yang berlaku di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Kelantan.
8. PN-1141-L2864
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa pemodal-pemodal dari Singapura banyak membiayai projek pertanian di negara ini dan hasilnya dieksport sebagai "Produce of Singapore". Dan jika ada apakah tindakan bagi memastikan bahawa petani di Malaysia tidak perlu mendapatkan modal dari luar sebaliknya menggunakan modal dari dalam dan apakah sistem perbankan kita bersedia membiayai "contract farming" secara besar-besaran.
9. PN-1141-L2269
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pengertian sekolah kluster (cluster school) dan bagaimana sistem ini boleh memperkasa sekolah kebangsaan dan pada masa yang sama memupuk perpaduan.

10. PN-1141-L2171
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah dan jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi melaksanakan program pembangunan bioteknologi di peringkat negeri oleh pihak Kementerian bagi menentukan supaya pembangunan bioteknologi dapat digerakkan di seluruh negara, tanpa mengetepikan mana-mana negeri.
11. PN-1141-L2211
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan punca dan langkah-langkah terkini untuk menyelesaikan masalah kritikal graduan universiti yang gagal mendapat pekerjaan dan terpaksa memenuhi jawatan-jawatan seperti kerani am, penyambut tetamu dan sebagainya sedangkan mereka ini berijazah.
12. PN-1141-L2428
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan jumlah eksport di negara ini akan terus berkembang dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara seperti mana yang dicatatkan baru-baru ini di mana jumlah eksport negara sebanyak 10.5% iaitu RM1.07 trilion pada tahun 2006.
13. PN-1141-L2532
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengelakkan golongan muda yang baru memulakan kerjaya menjadi bankrap kerana penggunaan kad kredit; dan
 - (b) berapa ramaikah daripada golongan muda ini yang terlibat sepanjang tahun 2006 mengikut bangsa.
14. PN-1141-L2600
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) statistik universiti swasta tempatan yang diiktiraf oleh Kementerian; dan
 - (b) statistik kolej-kolej swasta tempatan yang diiktiraf oleh Kementerian.

15. PN-1141-L2714
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil oleh Kementerian bagi menentukan pusat jagaan berkediaman atau pusat jagaan harian bagi orang kurang upaya, kanak-kanak serta warga emas yang dikendalikan oleh orang perseorangan, Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta dapat menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.
16. PN-1141-L2461
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan Ringgit Malaysia semakin kukuh, bilakah Kerajaan bercadang untuk “internationalized” ringgit, dan apakah kriteria-kriteria yang diambil kira untuk keputusan tersebut dan setakat mana kesediaan Malaysia dalam proses itu.
17. PN-1141-L2886
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah rancangan untuk menguatkuasakan insurans kesihatan yang dirancang oleh Kerajaan dan apakah halangan utama dalam melaksanakan program ini.
18. PN-1141-L2913
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah kedatangan para pelancong asing ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
19. PN-1141-L2145
Tuan Tay Puay Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Pelan Induk Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) secara terperinci akan dikeluarkan dan jentera pentadbiran Kerajaan dapat berfungsi sepenuhnya dalam usaha mengendalikan segala urusan WPI tersebut.
20. PN-1141-L2825
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah ketepatan sesuatu fakta diambil kira dahulu sebelum ianya dikeluarkan sebagai berita dalam akhbar dan media elektronik.
21. PN-1141-L2357
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapa banyak kes yang dilaporkan berkenaan penyalahgunaan Internet oleh penulis laman blog dengan tujuan memalukan seseorang individu melalui pengeluaran artikel berunsur fitnah dalam laman blog mereka serta langkah-langkah pemantauan yang dijalankan ke atas sumber informasi ini sekarang.

22. PN-1141-L2634
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peranan dan rasional sistem pungutan sampah berkonsep buang dan bayar apabila Kerajaan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kementerian mengambil alih perkhidmatan pungutan sampah daripada Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara.
23. PN-1141-L2852
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan dan kemajuan Projek Pembangunan Koridor Utara yang dipertanggungjawabkan kepada Sime Darby Berhad bagi melaksanakan projek tersebut.
24. PN-1141-L2784
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah kutipan balik bagi Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang gagal dikutip dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk menyelesaikannya.
25. PN-1141-L2680
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan birokrasi dalam sektor perkhidmatan awam itu sendiri.
26. PN-1141-L2562
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil untuk membendung banjir kilat yang mengganggu kegiatan harian penduduk tempatan.
27. PN-1141-L2592
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian menjalankan penyelidikan untuk mengeluarkan benih-benih padi baru yang lebih resisten kepada serangan virus, memandangkan benih-benih padi yang sedia ada seperti MR 219 dan MR 166 didapati adalah kurang resisten terhadap serangan penyakit padi.
28. PN-1141-L2016
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan akan jaminan Kerajaan terhadap sekolah kluster ini secara langsung atau tidak langsung dipandang sebagai sekolah elit seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang hanya akan mengambil pelajar di kalangan anak golongan pegawai atasan mahupun VIP dan akhirnya meminggirkan masyarakat golongan sederhana yang lain.

29. PN-1141-L2599
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
- (a) jumlah kos perbelanjaan untuk merobohkan dan mengubah suai Stadium Merdeka menjadi keadaan asal serta apakah tujuan pengubahsuaian ini; dan
 - (b) apakah rancangan jangka panjang untuk warisan negara bagi memanfaatkan stadium ini dan bagaimana pula dengan Stadium Negara.
30. PN-1141-L2117
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian memperuntukkan penambahan sekolah menengah dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) di Bandar Bintulu; dan
 - (b) jika ada bilakah pembinaan sekolah tersebut akan dilaksanakan.
31. PN-1141-L2358
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah dasar dan langkah-langkah Kementerian untuk membantu meningkatkan penglibatan dan kemampuan para usahawan dan nelayan tempatan di Sarawak di dalam industri penangkapan ikan di laut dalam.
32. PN-1141-L2270
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap stesen TV yang melanggar Akta Penyiaran yang memastikan sekurang-kurangnya 60 peratus program di dalam Bahasa Malaysia dan sudah ditubuhkan satu badan yang bertugas mengawal selia pelaksanaan peruntukan-peruntukan penting dalam Akta Penyiaran itu.
33. PN-1141-L2489
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan reaksi Kerajaan terhadap laporan Japan Times pada 29 Mac 2007 yang melaporkan 'kick-back' kepada Ketua Menteri Sarawak sebanyak 1.1 bilion yen atau RM 32 juta.
34. PN-1141-L2217
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik pelumba motosikal haram (mat rempit) telah diambil tindakan dan apakah langkah serius dikenal pasti untuk mengatasi masalah ini.

35. PN-1141-L2463
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sasaran yang ditetapkan menjelang tahun 2010, apakah kadar keciciran orang asli yang tidak dapat menghabiskan pendidikan peringkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas dan apakah "road map" Kementerian untuk mencapai sasaran tersebut.
36. PN-1141-L2083
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan lagu Negaraku dinyanyikan di semua acara rasmi termasuk di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat setiap kali bersidang untuk menyatakan kesetiaan kita pada raja dan negara sesuai dengan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas pada 19 Mac 2007 lalu.
37. PN-1141-L2118
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bantuan-bantuan yang diberikan kepada pesakit HIV/AIDS di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan serta mendidik masyarakat dari mendiskriminasikan pesakit-pesakit dan keluarga pesakit.
38. PN-1141-L2430
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan kedatangan warga-warga asing untuk membuat pemeriksaan kesihatan di hospital-hospital di negara kita seterusnya menjadikan negara sebagai pusat kesihatan serantau mahupun di dunia dan apakah tindakan pihak Kementerian bagi memastikan hospital-hospital serta pakar-pakarnya adalah berkualiti.
39. PN-1141-L2593
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes jenayah berat bagi tahun 2006. D daripada jumlah tersebut, berapakah kes yang telah berjaya ditangani.
40. PN-1141-L2352
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mewujudkan jawatan Mufti Besar.
41. PN-1141-L2516
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berdasarkan data ke atas 3264 kes-kes keganasan terhadap wanita yang dilaporkan tahun lepas berapakah bilangan kes yang boleh diklasifikasikan sebagai kecederaan badan yang teruk dan jumlah kesalahan yang didapati oleh mahkamah setelah penghakiman dibuat.

42. PN-1141-L2870
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai kekosongan jawatan mengikut semua kategori jawatan di sektor Awam peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan sehingga 1 April 2007 dan apakah strategi pengisian kekosongan yang telah dan akan diambil bagi mengisi semua jawatan tersebut serta dijangka bila ia dapat memenuhi sasarannya.
43. PN-1141-L2045
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tidakkah ada cadangan untuk mewujudkan suatu universiti bertaraf dunia di Pulau Pinang yang juga menjadi pintu masuk pelajar asing.
44. PN-1141-L2709
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pendirian dan pandangan Kementerian terhadap sistem perladangan kontrak yang diamalkan dan dijayakan oleh pelabur-pelabur dari negara jiran yang membolehkan negara kecil tanpa kekayaan tanah menjadi di antara pengeksport utama keluaran pertanian seperti betik, pisang cavendish dan halia. Apakah Kementerian sedar tentang perkara ini dan apakah tindakan untuk menentukan yang pelabur tempatan juga mengikuti kaedah dan pendekatan ini.
45. PN-1141-L2221
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan ubat haram Beta Agonist tidak akan digunakan semula oleh penternak-penternak khinzir di negara kita.
46. PN-1141-L2504
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Pendidikan Islam sebagai teras pendidikan akhlak kepada pelajar Muslim dengan menjadikan ia mata pelajaran wajib yang dikira dalam semua peperiksaan utama.
47. PN-1141-L2561
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang sebarang peruntukan khas bagi membangunkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dari Tabung Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)(2006-2010).
48. PN-1141-L2881
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan skim cepat kaya yang tumbuh bagaikan cendawan dapat dibanteras.

49. PN-1141-L2785
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tindakan yang akan diambil berhubung isu penganjuran pameran mistik dan berunsur khayalan kerana ia mendatangkan lebih banyak kesan negatif kepada masyarakat.
50. PN-1141-L2143
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan setakat ini oleh Bank SME mengikut komposisi kaum.
51. PN-1141-L2673
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar atau tidak penduduk Islam dari Selatan Thailand yang bermastautin di Malaysia akan menikmati Hak Keistimewaan Bumiputera termasuk boleh membeli Tanah Simpanan Bumiputera.
52. PN-1141-L2290
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh Kementerian agar sasaran dan matlamat Kementerian bagi melahirkan 105 ribu usahawan baru dalam RMK-9 iaitu dalam tempoh 5 tahun.
53. PN-1141-L2178
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah pandangan pihak Kementerian terhadap sistem pengurusan air secara desentralisasi yang lestari yang telah dinyatakan di dalam Perisytiharan Baltimore 2007 dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mempromosikan sistem ini.
54. PN-1141-L2058
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penerbangan Air Asia yang terlewat bagi tahun 2006 sehingga Mac 2007 dan apakah sebabnya kelewatan itu berlaku.
55. PN-1141-L2132
Datuk Chew Yun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam menangani kegiatan Ah Long yang dewasa ini semakin berani menjalankan kegiatan mereka secara terang-terangan terutamanya di Sabah Kota Kinabalu, Sabah.
56. PN-1141-L2736
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian yang dicapai setakat ini oleh Kerusi Kadazandusun di Universiti Sabah Sabah.

57. PN-1141-L2331
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengambil tindakan terhadap isu Lojing, sedangkan isu ini telah dibangkit pada tahun lepas lagi di mana Kerajaan Negeri Kelantan telah menyalahkan Kerajaan Persekutuan kerana penguatkuasaan alam sekitar terletak di tangan Kementerian.
58. PN-1141-L2406
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah TNB masih lagi kekurangan 'transformer, switchgear, feeder pillar dan meter' dan ini telah menimbulkan masalah kepada pembeli dan pemaju projek perumahan.
59. PN-1141-L2033
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada penyelidikan menepati kehendak di ladang dan di kilang serta mengenali pasaran dan ciri-ciri ekonomi bagi membuat unjuran berhubung permintaan terhadap nilai komersial hasil perladangan untuk Program Pembangunan Ladang Rakyat oleh FELCRA telah dijalankan.
60. PN-1141-L2571
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tempoh masa yang dicadangkan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Malaysia.
61. PN-1141-L2182
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) sama ada pihak Kementerian menggalakkan sekolah-sekolah bantuan modal ditukarkan menjadi sekolah-sekolah bantuan penuh; dan
 - (b) apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesebuah sekolah bantuan modal ditukarkan menjadi sekolah bantuan penuh.
62. PN-1141-L2374
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah lesen perkhidmatan telekomunikasi akses jalur lebar tanpa wayar 2.3 Gigahertz (GHz) atau WiMax dan senaraikan syarikat yang berjaya memperoleh lesen berkenaan.
63. PN-1141-L2681
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kementerian mengenai cadangan penubuhan Lembaga Tabung Polis Diraja Malaysia seperti LTAT untuk Angkatan Tentera Malaysia.

64. PN-1141-L2905
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah usahawan bumiputera supaya peluang usahawan bumiputera ini terbuka luas dan manakala yang kurang kemampuan diberi peluang, agar usahawan bumiputera boleh bersaing dalam bidang ekonomi.
65. PN-1141-L2283
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah guru Bahasa Malaysia di sekolah tidak diberikan bayaran insentif dan disediakan dengan kemudahan komputer bagi tujuan pengajaran berbanding dengan guru bagi mata pelajaran bahasa Inggeris, sains mahupun matematik.
66. PN-1141-L2603
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) statistik mengenai kes-kes PERKESO yang belum dijelaskan sejak tahun 2006 dan apakah sebabnya; dan
 - (b) statistik majikan yang tidak mencarum ke PERKESO bagi pekerja-pekerja mereka dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap majikan tersebut.
67. PN-1141-L2732
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tentang apakah Program Anggun Bestari itu sebenarnya.
68. PN-1141-L2919
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu 'Sekolah-sekolah Bantuan Modal' yang dalam keadaan daif tetapi mempunyai murid yang ramai dan lebih 80% adalah murid-murid Melayu.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Keselamatan Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

2. **YB Dato’ Haji Kamarudin bin Haji Ambok** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

3.	(D.R. 25/2006)	Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
4.	(D.R. 44/2006)	Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006	“
5.	(D.R. 5/2007)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	“
6.	(D.R. 27/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	“
7.	(D.R. 28/2006)	Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	“
8.	(D.R. 38/2006)	Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	“

9.	(D.R. 37/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
10.	(D.R. 36/2006)	Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006	“
11.	*(D.R. 30/2006)	Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2006	“
12.	*(D.R. 33/2006)	Rang Undang-undang Hak milik Anak Negeri Labuan 2006	“
13.	*(D.R. 52/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006	“
14.	*(D.R. 2/2007)	Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007	“
15.	*(D.R. 3/2007)	Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007	“
16.	*(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007	“
17.	*(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007	“
18.	*(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007	“
19.	*(D.R. 9/2007)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2007	“
20.	*(D.R. 39/2006)	Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006	“
21.	*(D.R. 1/2007)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	“
22.	*(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007	“

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

23. PN-1141-U2092

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

24. PN-1141-U2323

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

25. PN-1141-U2325

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

26. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

27. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.11	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] Elaun dan Keistimewaan Bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	7 Mei 2007
ST.12	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] Elaun dan Keistimewaan Bagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	7 Mei 2007
ST.13	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] Elaun dan Keistimewaan Bagi Ahli Parlimen	7 Mei 2007
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.45	Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2006	7 Mei 2007
ST.67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.87	Laporan Tahunan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.92	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.94	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Ogos, 2006 Hingga 31 Disember 2006 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	7 Mei 2007
ST.100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
ST.105	Laporan Tahunan Bank Negara Bagi Tahun 2006	7 Mei 2007
ST.106	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006	7 Mei 2007
ST.117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	7 Mei 2007
CMD.4	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2006	7 Mei 2007
CMD.4A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, Tahun 2006 Bagi Kerajaan Malaysia	7 Mei 2007
CMD.5	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) Tahun 2006	7 Mei 2007

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.5A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, Tahun 2006 Bagi Kerajaan Malaysia	7 Mei 2007
CMD.6	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 1 Ogos 2006 hingga 31 Disember 2006, Menurut Peraturan 68 Di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	7 Mei 2007